



Membina gereja sel yang kuat
iaitu berpusat kepada Kristus,
transformasi hidup,
melengkapi mereka yang diselamatkan,
menginjil jiwa yang hilang dan
komited kepada misi.

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Alexander Nenotek

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV. NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **Paderi Penasihat:**

Revd. Samamadin Uloi

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

- **PJA:** Revd. Majetus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MIST

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdenan Atonis

Ps. Christinah Simon



Saudara-saudari yang dikasihi dalam Kristus,

Tuhan beserta kamu!

Pengumuman baru-baru ini mengenai pelantikan Rt Revd Dame Sarah Mullally sebagai Archbishop Canterbury yang ke-106 telah menarik perhatian dan pelbagai reaksi. Kita terus berdoa untuk Gereja England dan Takhta Canterbury (kepimpinan rohani Archbishop Canterbury) sewaktu Bishop Sarah memikul tanggungjawab ini.

Sebagai sebuah Provinsi, kita mesti menyatakan kebimbangan dan keraguan terhadap pelantikan beliau. Bishop Sarah pernah mempengerusikan projek Living in Love and Faith (Hidup di dalam Iman dan Kasih) di Gereja England yang membawa kepada keputusan pada tahun 2023 untuk mengizinkan pemberkatan perkahwinan sesama jantina. Beliau menggambarkan keputusan itu sebagai "suatu saat penuh harapan."

Ini merupakan satu penyimpangan dan percanggahan sepenuhnya daripada apa yang diajarkan oleh Kitab Suci mengenai perkahwinan dan seksualiti. Ia juga menyimpang daripada ajaran ortodoks Anglikan tradisional. Artikel 20 daripada 39 Articles of Religion menyatakan bahawa "tidaklah dibenarkan bagi Gereja untuk menetapkan apa-apa yang bertentangan dengan Firman Tuhan yang tertulis."

Dari satu sudut, dalam konteks Provinsi, pelantikan Bishop Sarah tidak memberi kesan langsung kepada kita kerana setiap wilayah adalah berautonomi. Namun demikian, kita tidak dapat menafikan bahawa Archbishop Canterbury mempunyai pengaruh yang besar dalam sejarah Persekutuan Anglikan. Oleh itu, perlantikan Archbishop ini membuat kita berada dalam keadaan yang sukar dan mencabar kerana didalam tugasannya sebelum ini, dia telah memainkan peranan penting dalam membuat keputusan yang bertentangan dengan ajaran alkitab..

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>




dari muka surat sebelah...

Dengan penuh hormat, di bawah pemerintahan Tuhan yang berdaulat, kita tidak dapat mengiktiraf beliau sebagai “yang pertama antara yang setara”, sama ada dari segi kepimpinan mahupun pengaruh dalam Persekutuan Anglikan Sedunia.

Sebelum ini, kita telah berdoa dengan penuh harapan agar pelantikan Archbishop Agung Canterbury yang baharu akan diberikan kepada seorang calon yang menjunjung tinggi Kitab Suci serta prinsip-prinsip iman ortodoks yang dianugerahkan Tuhan, sebagaimana yang kita amalkan dan tegaskan dalam Provinsi kita. Kegagalan untuk berbuat demikian merupakan satu peluang yang terlepas bagi Persekutuan Anglikan Sedunia untuk mencari kesatuan dan memperbaharui ikatan melalui pengesahan ajaran tradisional Firman Tuhan.

Kami menyedari bahawa jemaat dalam Diosis kita pasti bimbang akan pelantikan ini dan keadaan Persekutuan Anglikan pada masa ini. Sebagai sebuah Provinsi, kita berpegang teguh dan komited kepada prinsip yang kita pertahankan, dan kami menyeru agar anda semua untuk bersama kami dalam doa supaya kebenaran dan kehendak Tuhan akhirnya akan menang. Semoga Tuhan mengurniakan kita kebijaksanaan dan menggunakan kita untuk memancarkan terang-Nya pada masa yang penuh kegelapan ini. Segala kemuliaan bagi Tuhan!

Dengan segala berkat dalam Kristus,



The Most Revd Dr Titus Chung
Bishop Singapura,
Primate Provinsi Gereja Anglikan di Asia Tenggara.

BERDOA UNTUK PILIHAN RAYA **NEGERI SABAH**

Syukur kepada Tuhan kerana mata-Nya masih tertumpu kepada Sabah, walaupun negeri ini telah melalui pergolakan politik yang berterusan.

Berdoalah agar damai sejahtera Allah memerintah dalam setiap parti politik sepanjang musim pilihan raya, dan agar kempen dijalankan secara demokratik dan dalam semangat persaudaraan.

MENARA DOA

13 Oktober 2025 (Isnin)
7:30malam | Gereja St. Patrick

“Tetaplah berdoa. Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Allah di dalam Kristus Yesus bagi kamu.”

— 1 Tesalonika 5:17-18 —

PERJAMUAN KUDUS DI RUMAH

15 Oktober 2025 (Rabu)
8:00pagi
Gereja St. Patrick

PENGUMUMAN PERKAHWINAN

Pengumuman Ketiga

Tan Kian Hung & Lee Suk Chen

KEBAKTIAN PERNIKAHAN KUDUS

18 Oktober 2025 (Sabtu)

10:00pagi

Gereja St. Patrick

Sekiranya jemaah mengetahui sebab pasangan ini tidak boleh disatukan dalam nikah kudus, sila maklumkan kepada pihak gereja.

SUKANEKA KELUARGA

20 Oktober 2025 (Isnin)

7:30pagi

Padang SM St. Patrick

Pendaftaran boleh dilakukan melalui kelompok sel.

Tarikh Tutup Pendaftaran :
13 Oktober 2025 (Isnin)

BAGAIMANA DIPENUHI

OLEH ROH KUDUS

(CALON-CALON PENETAPAN)

21 & 28 Oktober 2025 (Selasa)

7:30malam | Gereja St. Patrick

Kehadiran semua calon penetapan adalah wajib!

KEBAKTIAN PENETAPAN

(KEBAKTIAN GABUNGAN SPC & PJA)

09 November 2025 (Ahad)

09:00pagi | Rumah Doa

MULAKAN PERJALANAN PENDIDIKAN ANAK ANDA DENGAN PROGRAM PRA SEKOLAH ACE

Program berteraskan Kristus dengan pendekatan fonik yang terbukti berkesan untuk kecemerlangan akademik dan karakter anak anda.



Pendaftaran Prasekolah Sesi 2026
Tadika St. Patrick's Anglican Academy
kini dibuka untuk kanak-kanak berumur
5 tahun.

013-5464767

PEMBERIAN PERSEMBAHAN



Persepuluhan Persembahan
PINDAHAN DALAM TALIAN

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

Cek: St. Patrick's Church, Tawau

E-BULETIN



Muat turun E-Buletin melalui
laman web
<https://www.hoprayer.org.my>

SIRI KHUTBAH MAZMUR

MENGINGATI KEBAIKAN TUHAN

MAZMUR 103

1. Ketika anda merasa kosong – Ingatlah kebaikan-Nya (ayat 3-5)

³Dia yang mengampuni segala kesalahanmu, yang menyembuhkan segala penyakitmu, ⁴Dia yang menebus hidupmu dari lobang kubur, yang memahkotai engkau dengan kasih setia dan rahmat, ⁵Dia yang memuaskan hasratmu dengan kebaikan, sehingga masa mudamu menjadi baru seperti pada burung rajawali."

2. Ketika anda merasa bersalah – Ingatlah belas kasihan-Nya (ayat 6-10)

⁶TUHAN menjalankan keadilan dan hukum bagi segala orang yang diperas. ⁷Ia telah memperkenalkan jalan-jalan-Nya kepada Musa, perbuatan-perbuatan-Nya kepada orang Israel. ⁸TUHAN adalah penyayang dan pengasih, panjang sabar dan berlimpah kasih setia. ⁹Tidak selalu Ia menuntut, dan tidak untuk selamanya Ia mendendam. ¹⁰Tidak dilakukan-Nya kepada kita setimpal dengan dosa kita, dan tidak dibalas-Nya kepada kita setimpal dengan kesalahan kita."

3. Ketika anda merasa tidak pasti – Ingatlah kedaulatan-Nya (ayat 11-14)

¹¹tetapi setinggi langit di atas bumi, demikian besarnya kasih setia-Nya atas orang-orang yang takut akan Dia; ¹²sejauh timur dari barat, demikian dijauhkan-Nya dari pada kita pelanggaran kita. ¹³Seperti bapa sayang kepada anak-anaknya, demikian TUHAN sayang kepada orang-orang yang takut akan Dia. ¹⁴Sebab Dia sendiri tahu apa kita, Dia ingat, bahwa kita ini debu."

Penerapan Firman Tuhan:

1. Apakah berkat atau pengalaman tertentu yang pernah Tuhan berikan, tetapi anda sadar anda jarang mengingat atau bersyukur untuknya? Bagaimana mengingat kebaikan Tuhan dapat mengubah cara anda melihat kehidupan dan penyembahan hari ini?
2. Mazmur 103 berkata Tuhan "tidak memperlakukan kita setimpal dengan dosa kita." Apakah makna ayat ini bagi anda secara peribadi? Bagaimana kesedaran akan belas kasihan Tuhan dapat membebaskan anda daripada rasa bersalah atau rasa tidak layak di hadapan-Nya?
3. Dalam situasi hidup yang tidak pasti hari ini, di bahagian mana anda paling sukar mempercayai Tuhan? Apakah langkah kecil yang boleh anda ambil minggu ini untuk menyerahkan kembali kawalan itu kepada Tuhan?